

KAJIAN LULUSAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) DI INDUSTRI

2010

ABSTRAK

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) memainkan peranan yang amat besar dalam merangka halatuju latihan kemahiran negara. Lulusan latihan kemahiran yang dijalankan samada di institusi latihan awam atau swasta menjadi kayu pengukur kepada keberkesanan kurikulum yang dibangunkan dan latihan yang dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dari industri mengenai kualiti lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) serta tahap kepuasan industri terhadap mereka. Responden terdiri daripada 182 buah syarikat seluruh negara. Terdapat beberapa elemen yang telah dianalisa seperti pengetahuan dan pengambilan pekerja lulusan SKM, pengambilan pertama pekerja lulusan SKM, bilangan pekerja lulusan SKM, tahap tertinggi dan jawatan pekerja lulusan SKM, gaji permulaan, hubungan antara jumlah pekerja dengan bilangan pekerja lulusan SKM, hubungan antara tahap SKM dan gaji permulaan, hubungan antara tahap SKM dan jawatan dan hubungan antara tahap SKM dengan tahap kepuasan industri. Hasil keseluruhan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan majikan terhadap pekerja lulusan SKM adalah pada tahap yang sederhana.

Kata Kunci:

Sijil Kemahiran Malaysia, Institusi Latihan Awam